

# Ibu sebak terima ijazah arwah anak

UB 13.12.2022 P.01

## KOTA KINABALU:

Suasana sebak menyelubungi emosi seisi keluarga Allahyarham Ahmad Faizal Tahir iaitu graduan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ibu Allahyarham, Norah Usaini dan suami mewakili anaknya bagi menerima ijazah anumerta yang disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin sempena Majlis Konvokesyen UMS kali ke-24 di sini semalam.

Norah berkata, anak sulungnya itu meninggal dunia pada 31 Julai lepas di Hospital Queen Elizabeth (HQE) akibat demam panas.

Menurutnya, Allahyarham adalah anak yang begitu mengutamakan keluarga selain seorang yang penyayang dan suka bergurau.

Justeru katanya, kehilangan Allahyarham memberi kesan mendalam



**SEBAK:** Norah (tengah), Ahmad Fadil (kiri) dan Tahir (kanan) tidak mampu menahan sebak selepas menerima Ijazah secara anumerta untuk Allahyarham Falzal.

kepada mereka sekeluarga terutama semasa mewakilan Allahyarham untuk menerima ijazah sempena majlis konvokesyen ini.

“Sebelum meninggal dunia, arwah sempat menasihatkan adiknya untuk belajar berdikari dan memberikan keutamaan kepada keluarga sebelum

orang lain.

“Sebagai seorang ibu, saya berasa amat sebak sehingga tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata apabila mendapat tahu dia sudah tiada,” katanya kepada media di sini semalam.

Sementara itu, adik kepada Allahyarham, Ahmad Fadil berkata,

abangnya bercita-cita tinggi untuk menjadi seorang doktor tetapi datuk mereka berharap agar arwah mencebur ke bidang pendidikan dan masuk ke universiti.

“Ayat terakhir abang yang mahu kembali ke pangkuhan keluarga setelah lama tidak pulang akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kekal diingati sehingga hari ini,” katanya.

Untuk rekor, ijazah secara anumerta adalah penganugerahan ijazah selepas kematiian pelajar semasa berada dalam pengajian.

Penganugerahan ijazah ini dibuat atas sokongan dan kelulusan universiti berdasarkan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar.

Pada Majlis Konvokesyen kali ke-24 ini, seramai 4,298 graduan UMS menerima ijazah yang berlangsung dari 10 hingga 12 Disember 2022.